

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HGM 131 – Geografi Manusia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Sekurang-kurangnya **SATU** soalan mesti dijawab dari setiap Bahagian. **Soalan 1** dari Bahagian A adalah **WAJIB**.

Bahagian A

1. [a] Jelaskan data ruangan dan data atribut.
[5 markah]
- [b] Merujuk kepada mana-mana sub-bidang dalam geografi manusia, bincangkan penggunaan Sistem Maklumat Geografi dalam mengurus kedua-dua jenis data tersebut.
[20 markah]

Bahagian B

2. 'Geografi manusia mengkaji orang dan tempat, persamaan dan perbezaan di antara mereka, hubungan di antara satu sama lain di atas ruang, hinggalah kepada proses di mana dunia distrukturkan kepada manusia, ruang dan tempat' (Cloke, Crang dan Goodwin 1999). Jelaskan kerelevan pernyataan ini dengan menghuraikan fokus pendekatan geografi manusia dari tahun 1930an hingga kini.
[25 markah]
3. [a] Huraikan dimensi-dimensi sosio-budaya yang menstrukturkan hidup sekumpulan orang.
[5 markah]
- [b] Perbezaan sosio-budaya menyebabkan sekumpulan orang memberi makna kepada pandang darat yang sama secara berbeza. Menggunakan **SATU** contoh pandang darat, bincangkan bagaimana dua kumpulan sosial yang berbeza memberi makna yang berbeza kepada pandang darat tersebut.
[20 markah]
4. [a] Huraikan pengkategorian tempat sepetimana yang dinyatakan oleh Schirmer (1994).
[5 markah]
- [b] Menggunakan contoh-contoh tertentu, huraikan bagaimana tempat-tempat ini adalah bertindan.
(20 markah)

Bahagian C

5. [a] Jelaskan bagaimana aktiviti-aktiviti ekonomi dan ekonomi nasional dikelompokkan.
[10 markah]
- [b] Bincangkan keterkaitan sektor-sektor tersebut dengan pembangunan setempat.
[15 markah]
6. [a] Jelaskan ciri-ciri fungsi dan lokasi yang mempengaruhi aktiviti-aktiviti ekonomi ketiga, keempat dan kelima (*tertiary, quarternary* dan *quinary*).
[10 markah]
- [b] Bincangkan bagaimana aktiviti-aktiviti tersebut merangsang pertumbuhan ekonomi wilayah.
[15 markah]
7. [a] Jelaskan maksud pusat bandar dan pinggir bandar.
[10 markah]
- [b] Merujuk kepada bandar tertentu, bincangkan bagaimana status sosial, status keluarga dan status etnik mempengaruhi pilihan kawasan kediaman.
[15 markah]